



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JKA 315 – Isu-Isu Perbandaran di Negara Membangun

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan di Bahagian A (**WAJIB**) dan pilih **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B.

Baca soalan dengan teliti sebelum anda menjawab.

Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

BAHAGIAN A (WAJIB) (40 markah)

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Jelaskan secara ringkas perkara berikut :

- (a) Teori Urbanisasi dan Bandaraya Primat.
- (b) Golongan Elit dan Kelas Menengah.
- (c) Kemiskinan dan Kemiskinan Bandar.
- (d) Ekonomi Bazaar dan Ekonomi Firma.

(40 markah)

BAHAGIAN B (60 markah)

Pilih dan jawab **DUA** soalan sahaja.

2. Huraikan proses dan tren urbanisasi di negara-negara membangun.

(30 markah)

3. Masalah pencemaran alam sekitar bandar di negara membangun semakin berleluasa. Apakah langkah-langkah terbaik untuk membendung masalah ini. Bincangkan.

(30 markah)

4. Migrasi pekerja asing ke bandar menyebabkan berlakunya masalah jenayah dan peningkatan penempatan setinggan. Bahaskan.

(30 markah)

5. Bunuh diri dan percubaan bunuh diri di bandar adalah fenomena yang berlaku di negara membangun. Bincangkan secara kritis, faktor yang menyebabkan kejadian bunuh diri berlaku dan aspek pencegahannya.

(30 markah)